

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
KAWASAN : PARIT SULONG  
TARIKH : 12.11.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 13

YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah prospek TPP dari segi peluang pekerjaan dan keusahawanan terhadap golongan belia dan generasi muda sekiranya dimeterai perjanjian tersebut dan adakah ini akan menyebabkan pembanjiran buruh asing di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjelaskan bahawa Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak merundingkan untuk memudahkan kemasukan buruh asing. Malah, di bawah Bab Buruh TPPA, ia telah merundingkan kepentingan untuk melindungi hak-hak golongan pekerja berdasarkan prinsip dan konvensyen antarabangsa ILO.

Tuan Yang Dipertua,

Pertumbuhan ekonomi negara berasaskan liberalisasi perdagangan bakal menjana pelbagai peluang pekerjaan dan keusahawanan apabila aktiviti pelaburan, eksport dan import menjadi lebih terjamin, rancak dan mudah melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas yang dijalankan dengan rakan dagang yang strategik. Dalam konteks TPP, ia memberi prospek kepada barang dan perkhidmatan Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran bebas cukai TPP yang sebesar 800 juta orang dengan kombinasi KDNK sejumlah US\$27.5 trilion. Golongan belia dan generasi muda akan berpeluang untuk mendapat pekerjaan melaui pelaburan daripada syarikat-syarikat dari rakan dagang TPP serta melalui peningkatan perdagangan dengan rakan dagang TPP. Ianya juga secara tidak langsung akan mewujudkan peluang keusahawanan yang lebih banyak melalui penglibatan golongan belia dan generasi muda sama ada secara langsung atau tidak ke atas rantai bekalan global di pelbagai peringkat jualan, perkhidmatan maupun pengeluaran.

Adalah penting untuk menjelaskan sekali lagi bahawa TPPA tidak membuka semua sektor perkhidmatan kepada orang asing. Malaysia telah menyatakan pendirian bahawa pembukaan peluang pekerjaan profesional hanya terhad kepada bidang profesional yang tidak terdapat di Malaysia. Dalam pada itu juga, kemasukan pekerja profesional masih tertakluk kepada peraturan domestik yang telah ditetapkan di bawah sektor-sektor berkenaan. Generasi muda yang berkelulusan profesional juga dapat berkhidmat dengan pelbagai sektor perkhidmatan tempatan dan asing yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita ingin saya maklumkan, TPPA merupakan perjanjian perdagangan bebas pertama yang mempunyai bab khusus mengenai Industri Kecil dan Sederhana (SME). Bab ini memperuntukkan kerjasama di antara negara-negara TPP untuk meningkatkan keupayaan Industri-Industri Kecil dan Sederhana dalam meraih faedah yang disediakan di bawah TPP. Ini termasuklah pembinaan kapasiti dan kerjasama sektor SME di kalangan negara TPP. Malaysia menyambut baik pembentukan (*directory*) rangkaian SME serta pembinaan kapasiti yang bakal mengukuhkan daya saing entiti perniagaan SME di samping memperluaskan penyertaan usahawan muda tempatan ke dalam rantaian bekalan negara TPP.